

1. Sistem nombor perlipatan dikenali sebagai system nombor _____.
A. binary
B. decimal
C. octal
D. heksadesimal
2. Apakah kaedah yang digunakan untuk menukar nombor perpuluhan kepada nombor perlipatan?
A. Kaedah bahagi dengan 2 dan gunakan bakinya.
B. Kaedah bahagi dengan 8 dan gunakan bakinya
C. Kaedah bahagi dengan 10 dan gunakan bakinya
D. Kaedah bahagi dengan 16 dan gunakan bakinya
3. Apakah nombor perenambelasan bagi nombor perdua 101011000100 ?
A. FC_{16}
B. AC_{16}
C. $7C_{16}$
D. BE_{16}
4. Antara berikut, yang manakah tidak benar berkaitan ASCII?
A. Pengekoden ASCII bukan bahasa penterjemahan.
B. ASCII membolehkan manusia berinteraksi dengan komputer.
C. ASCII membolehkan jenis-jenis peralatan pemprosesan data yang berlainan berfungsi dengan sempurna.
D. Kod ASCII digunakan untuk mewakili teks dalam komputer.
5.

1. Mula.
 2. Set kaunter pembilang kepada sifar.
 3. Baca perkataan.
 4. Tambah kaunter pembilang dengan 1.
 5. Perkataan terakhir dalam halaman?
Jika ya, tamat.
Jika tidak, ulang langkah 3 hingga 5.
 6. Tamat.

Maklumat di atas menunjukkan algoritma dalam bentuk _____.

- A. kod aturcara
B. kod arahan komputer
C. carta alir
D. pseudokod

6. Antara pernyataan berikut, yang manakah adalah struktur kawalan bersarang?
- Jika Syarat 1 dipenuhi, laksana Pernyataan 1, Jika tidak, tamat.
 - Jika Syarat 1 dipenuhi, semak Syarat 2, Jika tidak, tamat
 - Jika Syarat 1 dipenuhi, laksana Pernyataan 1, Jika tidak, laksana Pernyataan 2.
 - Jika Syarat 1 dipenuhi, tamat. Jika tidak, laksana Pernyataan 1.

7. Jaspreet telah menulis satu pseudokod yang mewakili stu struktur kawalan.

- Mula.
- Isytihar pemboleh ubah.
- Syarat diuji.
- Jika benar,
 Pernyataan ulangan dilaksanakan
 Kemas kini pembilang
- Jika palsu,
 Atur cara keluar dari struktur kawalan ulangan
- Ullang langkah 2 sehingga syarat menjadi palsu.
- Tamat.

Kenal pasti struktur kawalan tersebut

- Struktur kawalan ulangan *for*
 - Struktur kawalan ulangan *while*
 - Struktur kawalan dwipilihan
 - Struktur kawalan pelbagai pilihan
8. Proses mencari dan menghapuskan ralat dipanggil _____.
- pepijat
 - penyahpijatan
 - pengujian
 - pembetulan
9. Apakah tiga jenis ralat yang boleh dijumpai dalam pengaturcaraan?
- Ralat sintaks
 - Ralat masa larian
 - Ralat pengujian
 - Ralat logik
- I, II dan III
 - II, III dan IV
 - I, III dan IV
 - I, II dan IV
10. Antara pernyataan berikut, yang manakah benar mengenai persekitaran kod arahan?
- Persekitaran yang digunakan oleh pengaturcara semasa menulis kod arahan.
 - Cara pengaturcara menulis kod arahan.
 - Kesesuaian persekitaran semasa pengaturcara menulis kod arahan.
 - Aplikasi komputer yang digunakan bagi menulis kod arahan.

11. Rajah dibawah menunjukkan kod arahan bahasa pengaturcaraan Python bagi jenis data *string*.

```
>>> ayat = str("Komputer")
>>> print(ayat[3])
```

Apakah output yang diperoleh?

12. Apakah struktur kawalan yang sesuai bagi aturcara memasukkan dua nombor perpuluhan dan operasi pendaraban dilakukan?

- A. Struktur kawalan pilihan
B. Struktur kawalan jujukan
C. Struktur kawalan ulangan
D. Struktur kawalan bersarang

13. Antara berikut, yang manakah adalah kod arahan umum yang tepat bagi gelung *for*?

- A. **for <pernyataan in gelang [1, 2, 3]>: <Pembolehubah>**
- B. **for <ujian in pembolehubah gelang [1, 2, 3]>: <Pernyataan>**
- C. **for <pembolehubah gelang in [1, 2, 3]>: <Pernyataan>**
- D. **for <pembolehubah gelang in ujian>: <Pernyataan>**

14. Rajah di bawah menunjukkan satu kod arahan dalam suatu struktur kawalan ulangan.

for i in range (5, 15):

Apakah output yang mungkin dipaparkan?

- A. Ralat sintaks
B. 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14
C. 5, 10, 15
D. Tiada sebarang output

15. Berikut menunjukkan paparan kod arahan Python dan output yang diperoleh.

Kod arahan:
<pre>for i in _____ : print ("Nombor ganjil yang dipaparkan:", i)</pre>
Output:
Nombor ganjil yang dipaparkan : 1 Nombor ganjil yang dipaparkan : 3 Nombor ganjil yang dipaparkan : 5 Nombor ganjil yang dipaparkan : 7 Nombor ganjil yang dipaparkan : 9

Apakah fungsi julat yang sesuai bagi melengkapkan kod arahan di atas?

- A. range(1,10, 2)
- B. range(0, 10, 3)
- C. range(1, 9)
- D. range(1 ,3 ,5, 7, 9)

16. Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- i) Sistem nombor peralapan juga disebut sistem nombor _____.
- ii) Sistem nombor perenambelasan juga disebut sistem nombor _____.
- iii) Sistem nombor perenambelasan menggunakan sepuluh digit dan _____

abjad.

17. Rajah menunjukkan pseudokod yang digunakan untuk satu aturcara. Susun semula pseudokod itu mengikut urutan yang **betul** dengan menulis jawapan dalam ruang jawapan yang disediakan.

P : Jika umur > 21 R : Papar mesej 'Anda layak mengundi' T : Mula Q : Jika tidak S : Papar mesej 'Anda tidak layak mengundi' U : Masukkan umur V : Tamat
--

T	U				S	V
----------	----------	--	--	--	----------	----------

18. Nyatakan **tiga** jenis struktur kawalan.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____

19. Berikut merupakan jenis-jenis ralat.

A	Ralat sintaks
B	Ralat masa larian
C	Ralat logic

Padankan jenis ralat dengan pernyataan yang betul dengan menulis **A**, **B** atau **C** pada petak yang disediakan.

Ralat ini menyebabkan atur cara terhenti secara tiba-tiba tanpa diduga semasa jalanan ujian.	
Ali menulis pseudokod untuk satu atur cara penyelesaian masalah. Semasa jalanan ujian, terdapat ralat dikesan. Ali telah membuat kesilapan operator matematik dan output yang dihasilkan tidak seperti yang diingini.	
Ralat ini berlaku semasa penggunaan bahasa pengaturcaraan. Ralat ini menyebabkan mesej ralat dipaparkan.	

21. Tentukan jenis data yang akan digunakan untuk mewakili data bagi atur cara penghitungan markah murid.

Data	Jenis Data
Nama Murid	
Markah	
Purata Markah	
Jantina (L/P)	

22. Maklumat di bawah menunjukkan fungsi **range ()**.

range (2, 10, 2)

Nyatakan parameter yang terdapat dalam fungsi **range ()** di atas.

23. Berikan jawapan **benar** atau **salah** dalam pernyataan operator logik di bawah.

Pernyataan logic a = benar , b = salah	jawapan
i) a and b	
ii) NOT (a or b)	
iii) NOT (a AND b)	

24. Padankan pernyataan berkaitan struktur kawalan di bawah. Tuliskan jawapan anda sama ada **A**, **B** atau **C**.

A	Struktur kawalan jujukan	B	Struktur kawalan pilihan bersarang	C	Struktur kawalan ulangan
----------	--------------------------	----------	------------------------------------	----------	--------------------------

Suatu struktur kawalan pilihan berada dalam suatu struktur kawalan pilihan yang lain.	
Mempunyai syarat dan langkah-langkah untuk mengulang disebut sebagai gelung (loop).	
Melaksanakan arahan baris demi baris mengikut susunan satu aliran sahaja.	

